

SATU ANALISIS BUKU PANDUAN WANITA CEMERLANG DALAM
KERJAYA BERDASARKAN PANDANGAN STAF WANITA BIDANG
PERHOTELAN DAN PENDIDIKAN (TEKNIK DAN VOKASIONAL)
MENGENAI “SILING KACA”: SATU TINJAUAN DI BATU PAHAT

NORAZLIANA BINTI CHE AHMAD

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2003

DEDIKASI

Salam penuh kasih sayang daripada anakanda kepada ayahanda, Che Ahmad b. Darus dan bonda, Siti Rohani bt. Md. Akhir serta keluarga, terutamanya Dique Mi.

Salam penuh hormat daripada anak didik kepada Dr. Noraini bt. Kaprawi.

Salam penuh mesra daripada rakan seperjuangan kepada rakan-rakan seperjuangan dari peringkat sekolah rendah hingga ke sarjana pendidikan.

“TERIMA KASIH ATAS SEGALANYA”

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurniaNya, diberi taufik dan hidayahNya, dapatlah saya menyiapkan penulisan berbentuk kajian bertajuk “Satu Analisis Buku Panduan Wanita Cemerlang Dalam Kerjaya Berdasarkan Pandangan Staf Wanita Dalam Bidang Perhotelan dan Pendidikan (Teknik dan Vokasional) Mengenai “Siling Kaca”: Satu Tinjauan di Batu Pahat”. Penulisan ini merupakan satu bentuk kajian kes untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, terutamanya kepada dua orang pembimbing saya, iaitu Profesor Madya Dr. Zulkifli B. Mohamed (MTT 1802) dan Dr. Noraini Bt. Kaprawi (MTT 2804). Tidak ketinggalan kepada dua orang penilai, Dr. Wahid B. Razzaly dan Encik Danial B. Md Nor. Segala tunjuk ajar dan nasihat yang begitu bernilai diberikan akan sentiasa saya ingati dan gunakan untuk pembelajaran saya di masa akan datang. Insya-Allah.

Adalah menjadi harapan saya agar semoga kajian ini dapat memberikan manfaat yang berguna kepada semua pihak, khasnya para pekerja wanita yang mahu cemerlang dalam kerjaya masing-masing.

Sekali lagi, ucapan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua.

ABSTRAK

Kepentingan wanita dalam perekonomian negara tidak boleh dinafikan lagi sehingga ada wanita yang telah menjadi menteri. Namun, perkembangan kerjaya wanita agak terganggu akibat pengamalan “siling kaca”. Setelah dikenalpasti faktor-faktor penyumbang gejala itu, satu kajian telah dilaksanakan sebagai satu analisis terhadap Buku Panduan Wanita Cemerlang Dalam Kerjaya (BPWCDK) agar dapat membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca” berdasarkan pandangan daripada staf wanita dalam bidang perhotelan dan pendidikan (teknik dan vokasional) di Batu Pahat. Aspek-aspek yang telah dikaji merangkumi tahap pengamalan “siling kaca” terhadap staf wanita dalam bidang perhotelan dan pendidikan (teknik dan vokasional) tahap keberkesanan BPWCDK dalam membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca”, tahap kebolegunaan BPWCDK dalam membantu wanita memajukan kerjaya dan tahap implikasi BPWCDK terhadap responden. Kajian ini dilakukan secara deskriptif melalui dua kaedah kajian, iaitu soal-selidik dan temubual. Satu set soal-selidik dan tiga soalan temubual yang dibina telah diedarkan kepada 44 orang responden, termasuk dua orang responden temubual yang telah pengkaji pilih secara rawak dari kalangan staf wanita dalam kajian. Penganalisan ke atas perolehan data mentah dilakukan dengan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Science*) versi 11.0 untuk frekuensi dan nilai min bagi menepati objektif kajian. Hasil kajian telah menunjukkan tahap keberkesanan, kebolegunaan dan implikasi BPWCDK dalam membantu perkembangan kerjaya wanita adalah tinggi (skor min = 3.96, 4.06 dan 3.94 masing-masing). Ini menunjukkan bahawa BPWCDK yang dibina dapat membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca” di Batu Pahat. Tambahan pula, tahap pengamalan “siling kaca” di Batu Pahat sudah berada di tahap sederhana (3.62). Di akhir kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang diharap boleh membantu memperbaiki mutu dan kualiti BPWCDK itu.

ABSTRACT

The importance of women in economics cannot be denied for there are several women who are elected as minister. However, women's mobility in career is unstable due to Glass Ceiling. This study was mainly conducted to analyze the effectiveness of Glass Ceiling through a guidebook of successful women in career as a tool to help in reducing Glass Ceiling among workingwomen in hospitality industry and education (technical and vocational) in Batu Pahat. The aspects and effectiveness that had been studied were on the rank of Glass Ceiling's influence on the working women in the selected industries, the rank of the BPWCDK's effectiveness in helping to reduce the problem, the rank of the BPWCDK's usability in helping the working women who wanted to develop their career, and the rank of the BPWCDK's implication on the respondents. This study was based on the descriptive model by using a set of questionnaire and three interviewed-questions to collect the required data from the 44-chosen-randomly respondents from the chosen industries. They were chosen in order to get the valid and reliable information. The analysis on the data had been analyzed by using the SPSS version 11.0 to get the frequency and mean score in addressing the stated objectives. Overall, the findings had shown that the rank of the BPWCDK's effectiveness in helping to reduce the problem, the rank of the BPWCDK's usability in helping the workingwomen in developing their career, and the rank of the BPWCDK's implication on the respondents were high (mean score 3.96, 4.06, and 3.94 respectively). This showed that BPWCDK could help in reducing the problem in Batu Pahat effectively as the rank of Glass Ceiling's influence on the workingwomen in hospitality industry and education (technical and vocational) in Batu Pahat was at the moderate level (mean score 3.62). At the end of the study, the researcher had presented several suggestions, which could enrich the quality of BPWCDK.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS	i
	LAPORAN PROJEK SARJANA	ii
	JUDUL	iii
	PENGESAHAN PENYELIA	iv
	PENGAKUAN	v
	DEDIKASI	vi
	PENGHARGAAN	vii
	ABSTRAK	viii
	ABSTRACT	ix
	ISI KANDUNGAN	x
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii

1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Masalah	5
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Kerangka Teori	11
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi Istilah dan Pengoperasian	15
2.0	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	17
2.2	Perkembangan Kerjaya	18
2.3	“Siling Kaca”	25
2.4	Sorotan Kajian Lepas	37
2.5	Model Teori Pengkaji	38
3.0	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	41
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	42
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	44
	3.5.1 Data Primer	45
	3.5.2 Data Sekunder	45
3.6	Instrumen Kajian	45
3.7	Kaedah Analisis Data	47

3.8	Pembolehubah Bersandar	49
3.9	Pembolehubah Tidak Bersandar	49
3.10	Andaian Kajian	50
3.11	Kajian Rintis	50
3.12	Tatacara kajian	53

4.0

REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.1	Pengenalan	55
4.2	Objektif Pembinaan Produk	56
4.3	Kronologi Pembinaan Produk	57
4.4	Rekabentuk Produk	59
4.5	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	61
4.6	Penilaian Produk	62
4.6.1	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	62
4.6.2	Pemilihan Subjek Atau Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	64
4.6.3	Fokus Penilaian	64
4.6.4	Cadangan Pembaikan	65

5.0

ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	68
5.2	Maklumat Diri Responden	69
5.3	Prosedur Yang Digunakan Untuk Menganalisa Data	72
5.4	Dapatan Kajian	74

5.4.1	Tahap Pengamalan “Siling Kaca” Di Kalangan Staf Wanita Dalam Bidang Perhotelan Dan Pendidikan (Teknik Dan Vokasional).	75
5.4.2	Tahap Keberkesanan BPWCDK Yang Dibina Dalam Membantu Mengurangkan Masalah Pengamalan “Siling Kaca”.	77
5.4.3	Tahap Kebolegunaan BPWCDK Yang Dibina Dalam Membantu Mengurangkan Masalah Pengamalan “Siling Kaca”.	80
5.4.4	Tahap Keberkesanan Implikasi BPWCDK Yang Dibina Dalam Membantu Perkembangan Kerjaya Wanita	81
5.5	Rumusan Dapatan Kajian	84

6.0

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	85
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	86
6.2.1	Maklumat Diri Responden	86
6.2.2	Pengamalan “Siling Kaca” Di Kalangan Staf Wanita Di Dalam Bidang Perhotelan Dan Pendidikan (Teknik Dan Vokasional).	87
6.2.3	Kesan BPWCDK Yang Dibina Dalam Membantu Mengurangkan Masalah Pengamalan “Siling Kaca”	89

6.2.4	Kebolegunaan BPWCDK Yang Dibina Dalam Membantu Mengurangkan Masalah Pengamalan “Siling Kaca”	91
6.2.5	Implikasi BPWCDK Yang Dibina Dalam Membantu Perkembangan Kerjaya Wanita	92
6.3	Cadangan	94
6.3.1	Cadangan Untuk Wanita Yang Ingin Cemerlang Dalam Kerjaya	95
6.3.2	Cadangan Pembaikan BPWCDK	95
6.3.3	Cadangan Untuk Kajian Seterusnya	98
6.4	Rumusan	99

RUJUKAN

xix

SENARAI LAMPIRAN

xxiii



PTTA UTHAM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.0 a	Peratus Pekerja Wanita Dalam Tiga Jenis Industri Perkhidmatan	3
1.0 b	Bidang Pekerjaan Yang Sesuai Untuk Wanita	4
2.0 c	Peratus Perkongsian Wanita Di Bahagisan Pentadbiran Dan Pengurusan Serta Perkongsian Di Dalam Jumlah Keseluruhan Pekerjaan, 1994 – 1995	27
2.0 d	Faktor Penyumbang “Siling Kaca” Dari Segi Skor	29
2.0 e	Hasil Kajian Lain Mengenai Wanita Di Tempat Kerja	31
2.0 f	Peratus Pekerja Dalam Bidang Terpilih Mengikut Jantina	34
2.0 g	Perbandingan Perwatakan Kerja Antara Lelaki dan Wanita	36
3.0 a	Kaedah Analisis Data	49
3.0 b	Tahap Skor Min Dari Segi Keberkesanan	49
3.0 c	Nilai Alpha Cronbach Untuk Setiap Pembolehubah	53
5.0 a	Taburan Responden Mengikut Maklumat Diri	71

5.0 b	Bilangan Item Mengikut Bahagian	74
5.0 c	Tahap Skor Min Dari Segi Keberkesanan	74
5.0 d	Tahap Pengamalan “Siling Kaca”	76
5.0 e	Kesan BPWCDK Terhadap Masalah Pengamalan “Siling Kaca”	79
5.0 g	Kebolegunaan BPWCDK	81
5.0 h	Implikasi BPWCDK Yang Dibina Dalam Membantu Perkembangan Kerjaya Wanita Di Batu Pahat Terhadap Responden	83



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.0c	Kerangka Teori	12
2.0a	Sistem Perkembangan Kerjaya – Perkaitan Keperluan Organisasi dengan Keperluan Kerjaya Individu	20
2.0b	Peringkat-peringkat Kerjaya dan Pembangunan.	21
2.0h	Model Kajian	38
3.0d	Tatacara Kajian	53
4.0a	Carta Alir Pembinaan BPWCDK	57



SENARAI SINGKATAN

M	Min
SD	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KUiTTHO	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
BPWCDK	Buku Panduan Wanita Cemerlang Dalam Kerjaya
ILO	International Labour Organisation
BIL	Bilangan
I	Interview
R	Responden
S	Soalan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Jika dilihat dari sudut fisiologi dan fungsi fisiologi itu sendiri, memang terdapat perbezaan yang amat ketara di antara wanita dan lelaki. Apa yang pasti kekuatan fizikal lelaki adalah melebihi kekuatan fizikal wanita. Namun, kelebihan yang dimiliki oleh wanita pula adalah tertumpu kepada emosi yang lebih sensitif dan kehalusan citarasanya.

Perbandingan mengenai perbezaan yang diwujudkan ini bukanlah bertujuan untuk menunjukkan siapa yang lebih atau kurang daripada sesiapa. Menurut Khalijah Mohd Salleh (1995), perbezaan yang ditonjolkan itu bertujuan menarik perhatian kaum Hawa dan Adam agar dapat bekerjasama dan saling melengkapi dalam pelbagai urusan hidup dari yang paling intim kepada yang paling praktikal.

Inilah yang perlu berlaku dalam kehidupan ini, terutamanya di sektor pekerjaan yang mana setiap pekerja, sama ada lelaki mahupun wanita perlu berganding bahu bagi memastikan misi, visi, objektif dan matlamat sesebuah organisasi itu dapat dicapai dengan jayanya. Gandingan yang mantap sebegini bukan sahaja meletakkan sesebuah organisasi itu di puncak kegemilangan, malah turut sama mengharumkan nama sesebuah negara.

‘Lelaki adalah pemimpin’ memang diakui ramai. Malah, dalam Islam sendiri lelaki merupakan ketua dan pemimpin yang selayaknya mesti diakui dan dipatuhi. Jika dilihat dari sudut kejadian manusia dalam konteks Islam, Adam merupakan seorang manusia lelaki yang pertama diciptakan oleh Allah SWT. Dengan itu, hampir setiap perkara kaum lelaki sering diberi keutamaan, termasuklah dalam bidang pekerjaan.

Raja Rohana Raja Mamat (1991) turut mengakui kebenaran ini dengan menyatakan bahawa dari segi kerja kolar putih, sejumlah besar lelaki memegang jawatan di peringkat pentadbiran, pengurusan dan penjualan. Menurut beliau lagi, sejumlah 2% pekerja lelaki terlibat di peringkat pentadbiran dan pengurusan.

Walaupun bagaimanapun, kepentingan wanita tidak diabaikan. Islam sendiri mengiktiraf peranan wanita dalam kehidupan seharian. Sebagaimana yang telah diperkatakan di dalam perenggan di atas, lelaki dan wanita saling melengkapi. Justeru itu, kewujudan manusia lelaki pertama, iaitu Adam telah disempurnakan dengan kewujudan manusia wanita pertama, iaitu Hawa. Secara simboliknya, adalah penting peranan seorang wanita itu dalam memakmurkan bumi ini sama ada beliau seorang suri rumahtangga ataupun seorang pekerja yang memegang sesuatu jawatan dalam sesebuah organisasi.

Peranan wanita berkerjaya kini telah diiktiraf sebagai antara penyumbang utama kepada pembangunan dan perekonomian negara. Mereka bukan sahaja berperanan penting dalam rumahtangga, tetapi turut sama menyalurkan tenaga, khidmat dan pendapat mereka dalam membangunkan sesebuah negara. Untuk memastikan peranan itu berjaya, mereka telah menyahut seruan dan cabaran dengan melakukan pelbagai kerja dalam bidang yang berlainan. Menurut McKenna dan Larmour (1984), (rujuk Jadual 1.0 a) di United Kingdom, terdapat lebih daripada separuh pekerja wanita bekerja di dalam tiga jenis industri perkhidmatan, iaitu:-

Jadual 1.0 a : Peratus Pekerja Wanita Dalam Tiga Jenis Industri Perkhidmatan

PERATUS PENGLIBATAN	BIDANG
17%	Perdagangan (kedai, penyuratan dan gudang)
23%	Professional dan saintifik (jurutaip, setiausaha dan perguruan)
12%	Perkhidmatan (pendobian dan katering)

Selain itu, Khalijah Mohd Salleh (1995) juga turut menyenaraikan beberapa bidang yang sesuai untuk wanita yang mahu membina dan mengembangkan kerjaya di dalam Jadual 1.0 b di bawah:-

Jadual 1.0 b : Bidang Pekerjaan Yang Sesuai Untuk Wanita

BIDANG	JENIS PEKERJAAN
Latihan	Guru, profesor dan pendidik
Perkhidmatan dan kebajikan	Undang-undang, perubatan dan kejururawatan
Kajian dan pembangunan	Ekonomi, pendidikan dan sains
Polisi, buat keputusan dan tanggapan	Politik dan pentadbiran
Perniagaan	

Perkembangan sebegini telah lama berlaku semenjak Revolusi Perindustrian di Perancis yang mana telah menyebabkan semakin ramai wanita yang bekerja. Dengan bekerja, wanita dapat berdikari dari segi ekonomi dan juga kewangan. Menurut Khalijah Mohd Salleh (1995), dengan mempunyai pekerjaan, ia bererti wanita lebih menilai harga diri dan mampu menentukan corak hidup mereka sendiri.

Situasi ini turut sama berlaku di Asia. Mungkin pada suatu masa dahulu, wanita Asia selalu dikenali sebagai wanita berwatak pasif kerana pemalu, penakut dan duduk di rumah. Namun, kini mereka lebih aktif menggembelng tenaga dan kekuatan mereka untuk pembangunan ekonomi, bekerja sebaris dengan lelaki dan turut sama menjadi sumber ekonomi kepada keluarga. Pembangkitan sebegini telah dipersetujui oleh Rao (2001) dengan menyatakan bahawa wanita Asia kini sedang menjadi separuh daripada populasi pekerjaan.

Mungkin perkembangan yang memberangsangkan ini amat baik diketengahkan dengan melihat kepada kajian yang dibuat oleh Judi Brownell pada tahun 1993 yang memetik kata-kata Leonard Roberts (1993) yang mahu kaum lelaki bangun dan cuba bau kopi yang mana perempuan kini tidak membuatnya lagi.

1.2 Latarbelakang Masalah

Malaysia turut mengiktiraf peranan dan sumbangan pekerja wanita dalam pembangunan ekonomi negara. Ini telah diakui oleh Dato' Sharizat Abdul Jalil (2000) yang menyatakan bahawa kehadiran wanita merupakan satu biasan kepada komitmen kerajaan Malaysia yang tinggi kepada penggolongan dan penyertaan wanita dalam pemerintahan demi kemajuan wanita.

Ini turut dipersetujui oleh Sha'ban Muftah Isma'il (1997) dengan memetik kata-kata Dr. Rokiah (1987) bahawa di Malaysia, kejayaan wanita dalam pelbagai bidang adalah sesuatu yang mesti dihargai. Raja Rohana Raja Mamat (1991) juga menyokong bahawa semakin tinggi tahap pendidikan, semakin terbuka peluang untuk mendapat kerja dan semakin meningkat status mereka di sisi masyarakat. Dalam erti kata lain, bidang pendidikan telah banyak mengubah kehidupan wanita.

Dengan ini, jelaslah bahawa kebanyakan wanita berkerjaya di Malaysia berpeluang untuk membuat perkembangan istimewa di dalam bidang pekerjaan yang mereka ceburi sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Dengan kemudahan-kemudahan pendidikan dan keterbukaan peluang yang lebih baik, wanita di Malaysia

telah mencapai tahap pendidikan yang sangat bagus, iaitu hampir 100 peratus (Suwanawongse dan Wong, 1999)

Dengan memasuki bidang kerjaya, ini bermakna seseorang wanita itu bersedia menyahut cabaran yang mendatang. Semakin ramai wanita kini yang berani mengorak langkah memasuki alam pekerjaan yang selama ini hanya didominasi oleh kaum lelaki (Dr. Rokiah, 1987). Contohnya, bidang perubatan, kejuruteraan dan sains politik (Raja Rohana Raja Mamat, 1991). Lebih cemerlang lagi, semakin ramai wanita Malaysia yang memilih bidang profesional, iaitu bahagian pengurusan korporat yang sekian lama dikuasai oleh kaum lelaki (Raja Rohana Raja Mamat, 1991).

Untuk menjadi seorang pengurus korporat yang berjaya, seseorang wanita itu perlulah ada persiapan diri. Menurut Khalijah Mohd Salleh (1995), untuk menjadi seorang yang professional, seseorang wanita itu mestilah mempunyai pengetahuan yang istimewa dalam kemahiran dan kaedah, sejarah atau prinsip-prinsip yang terpelajar. Berdasarkan kepada kepada kemahiran-kemahiran yang sedemikian, dikekalkan dengan ketegasan organisasi atau pendapat yang dipadukan, pencapaian dan pelaksanaan yang tinggi dan berkomited dalam meneruskan kajian dan kerjaya sedemikian, merupakan tujuan utama dalam menterjemahkan perkhidmatan awam.

Dengan adanya kriteria sedemikian adalah dipercayai bahawa bilangan wanita Malaysia yang bekerjaya dalam bidang pengurusan akan semakin meningkat menjelang abad ke 21 (Khalijah Mohd Salleh, 1995). Antara contoh wanita berkerjaya di Malaysia yang berjaya menguasai bidang pengurusan tinggi adalah seperti Dato' Seri Rafidah Aziz (Menteri Perdagangan dan Industri Antarabangsa), Dato' Seri Zetty Akhtar Aziz (Gabenor Bank Negara Malaysia) dan Jennifer Chan (Pengerusi J. Walter Thompson Malaysia). Mereka ini juga bolehlah dikatakan telah mencapai satu tahap sempurna

kendiri, kedudukan tiga tertinggi di dalam Hirarki Keperluan Maslow (sila rujuk Lampiran F).

Sumbangan individu tersebut menjadi inspirasi kepada para pelajar perempuan terutamanya, untuk terus berjaya dengan cemerlang dalam berbagai bidang, terutamanya dalam bidang pendidikan. Watak dan sumbangan pimpinan wanita sebegini memperlihatkan bahawa kaum wanita yang dahulunya dianggap lemah, kini ternyata lebih berpotensi dan berdaya maju sekiranya mereka benar-benar berusaha.

Justeru itu, sememangnya tidak dinafikan bahawa kaum wanita di negara ini memperoleh peluang yang sama dengan kaum lelaki untuk menyertai pembangunan negara dari pelbagai bidang yang wujud (Rozi Bainon, 1999).

Di sebalik pertambahan jumlah wanita yang bekerja dan peluang yang diberikan oleh kerajaan Malaysia dalam bidang pengurusan, masih terdapat halangan kepada mereka untuk mendapat kenaikan pangkat ke peringkat pengurusan tinggi dalam sesebuah organisasi.

Terdapat lapan faktor yang telah dikenalpasti sebagai penghalang perkembangan kerjaya wanita ke peringkat pengurusan tinggi, iaitu:

- i) Rangkaian bekas pelajar lelaki (*old boy network*)
- ii) Konflik keluarga-kerjaya
- iii) Gaji dan kenaikan pangkat
- iv) Sifat-sifat kerjaya
- v) Gangguan seksual

- vi) Kekurangan pembimbing
- vii) Kekurangan kredibiliti
- viii) Kekurangan pengetahuan kerjaya (Brownell, 1994)

“Siling kaca” adalah istilah yang mewakili lapan faktor penghalang tersebut, yang dimaksudkan oleh Brownell (1994) sebagai halangan-halangan yang maya berdasarkan kepada sikap pilih kasih organisasi itu sendiri ataupun kelakuan yang mana telah menghalang wanita yang berkelayakan daripada mengembangkan kerjaya mereka ke peringkat yang lebih tinggi di dalam organisasi itu.

1.3 Pernyataan Masalah

Menerusi penyelidikan yang telah pengkaji lakukan ke atas kajian-kajian lepas sehinggalah terbinanya kajian ini, pengkaji masih belum menemui satu bentuk produk yang dapat mengatasi masalah pengaplikasian konsep “siling kaca” ini.

Justeru itu, menerusi kajian ini, pengkaji akan menyediakan satu bentuk produk untuk membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca” itu. Produk yang pengkaji cadang dan bina adalah dalam bentuk buku panduan. Buku panduan tersebut mengandungi beberapa garis panduan yang diharap dapat membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca” di kalangan organisasi di Malaysia berdasarkan kepada sampel yang terpilih (penerangan lanjut di dalam bab III ms 42-44). Seterusnya, buku panduan itu nanti akan dinilai keberkesanannya dalam proses membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca” itu.

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji dapat perolehi persoalan kajian berikut adalah berdasarkan kepada hasil perolehan objektif kajian. Hasilnya, pengkaji perolehi empat persoalan kajian. Kajian ini menggariskan beberapa persoalan seperti di bawah untuk dijadikan sebagai panduan agar pengkaji tidak lari daripada haluan kajian ini.

- i) Sejauh manakah tahap pengamalan “siling kaca” yang berlaku di kalangan staf wanita dalam bidang perhotelan dan pendidikan (teknik dan vokasional) ?
- ii) Sejauh manakah buku panduan wanita cemerlang dalam kerjaya (BPWCDK) yang dibina dapat membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca” ?
- iii) Sejauh manakah kebolegunaan BPWCDK yang dibina dalam membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca” ?
- iv) Sejauh manakah BPWCDK yang dibina dapat membantu dalam perkembangan kerjaya wanita ?



1.5 Objektif Kajian

Setiap perkara yang dilakukan perlu ada objektifnya yang tersendiri. Begitu juga dengan dengan kajian ini. Terdapat empat objektif yang dapat pengkaji perolehi hasil daripada pembinaan kajian ini. Keempat-empat objektif berkenaan adalah seperti berikut:-

- i) menilai tahap pengamalan “siling kaca” yang berlaku ke atas staf wanita dalam bidang perhotelan dan pendidikan (teknik dan vokasional).
- ii) menilai BPWCDK yang dibina dapat membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca”.
- iii) menilai tahap kebolegunaan BPWCDK yang dibina dalam membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca”.
- iv) menilai BPWCDK yang dibina dapat membantu dalam perkembangan kerjaya wanita.

1.6 Kepentingan Kajian

- i) Dapatan kajian diharap akan dapat memberikan maklumat yang berguna kepada staf dan majikan dalam bidang perhotelan dan pendidikan (teknik dan vokasional) dalam proses membantu mengurangkan masalah pengamalan “siling kaca”.
- ii) Selain itu, ia juga boleh dijadikan antara bahan rujukan kepada para pengkaji yang mahu mengkaji dengan lebih lanjut akan masalah ini pada masa depan.

BAHAN RUJUKAN

A.M., Ee (1998). "Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan (Semester 1)". Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

A.S., Hornby dan E.C., Parnwell (1962). "English-Reader's Dictionary". United Kingdom: Oxford University Press.

Brown, B.L. (1998). "Career Development: A Shared Responsibility". *ERIC Digest No. 201*.

Brownell, J. (1993). "Communicating with Credibility : The gender gap", *Cornell Hotel and Restaurant Administration Quarter*. Volume 34. Issue 2. Ithaca.

Brownell, J. (1994). "Women in Hospitality Management: General Managers' Perceptions of Factors Related to Career Development. *Hospitality Management*. Volume 13, Great Britain.

C. O., Fong (2000). "Gangguan Seksual Di Tempat Kerja" dalam <http://www.ksm.my>

D., Pratt. (1980). "Curriculum: Design and Development". New York: Harcourt Brace Jovancvic)

Dato' Shahrizat Abdul Jalil (2000). "On Women 2000 : Gender Equality, Development And Peace For The Twenty-First Century", Beijing.

Department of Labour (1997). "Women's Progress in Workforce Improving Worldwide, But Occupational Segregation Still Rife, "Glass Ceiling" Separates Women From Top Jobs". *International Labour Organization*.

Dewan Ekonomi. (1994). "Ruang Kolumnis: Bahana Menara Kaca". Kuala Lumpur: Karangraf Sdn. Bhd.

Dewan Masyarakat. (2001). "Ruang Statistik: Kemasukan Pelajar Ke Universiti Tempatan". Kuala Lumpur: Karangraf Sdn. Bhd.

J., Gutteridge., A.P., Leibowitz, dan R. Shore. (1993). "Organizational Career Development" melalui <http://www.umi.proquest>.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan (1997). "Pelan Ekopelancongan Kebangsaan". Malaysia.

Khalijah Mohd. Salleh. (1995). "Women In Development". Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

Martin, L. (1991). U.S. Department of Labour.

McKenna, M, and Larmour, R. (1984). "Women in Hotel and Catering Management in the U.K". *Hospitality Management*. Volume 3. Great Britain.

Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Morrison, A. (2000) dalam "Feminist Majority Foundation (2001)" melalui http://www.feminist.org/research/ewb_glass.html

Nazlein Nawawi (2002). "Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Di Makmal: Satu Tinjauan Di Politeknik Kota Bharu". Batu Pahat. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Norazliana Che Ahmad (2001). "A Study On Relationship Between The Five Factors of Glass Ceiling and The Career Advancement in Hotel Management". Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.

Norliah Ab. Aziz (1999). "Employees' Career Orientation and Organization Career Development System: A Case Study of Public and Private Sector Organizations in Sarawak". Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.

Pindus, N., Dyer, D., Ratcliffe, C., Trutko, J., and Isbell, K. (1997). "Industry and Cross-Industry Worker Mobility: Experiences, Trends, and Opportunities for Low-Wage Workers in Health Care, Hospitality, and Child Care". *Urban Institute*.

Raja Rohana Raja Mamat, (1991). "Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia (Daripada Perspektif Sosial dan Undang-undang)". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rao, A. (2001). "Bias In Business", *Times Magazine*, United States of America.

Rozi Bainun. (1999). "Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-undang Malaysia". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

S.S., Mok (1992). "Pedagogi 2: Strategi Pengajaran-Pembelajaran, Pengajaran Mikro, Persediaan Untuk Pengajaran Praktik". Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Sekaran, U., (1992). "Research Methods For Business, United States of America: John Wiley & Sons, Inc.

Sha'ban Muftah Isma'il (1997). "Women, Economic Growth and Development In Malaysia". Selangor Darul Ehsan: IBS Buku Sdn. Bhd.

Suwanawongse, P. dan Y.B., Wong (1999). "Women In Higher". *Asia-Pacific Centre of Educational Innovation for Development*.

Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz (2000). "Majlis Menjalin Mesra Wawasanita". Kuala Lumpur: melalui <http://www.miti.gov.my/ucapan164a.htm>.

